

KATA ALU-ALUAN NAIB CANSELOR UiTM

Assalamualaikum WBT.

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh – demikianlah peribahasa Melayu yang terkenal dan sinonim dikaitkan dengan kepentingan untuk kita semua bersatu dalam menghadapi apa jua cabaran dan situasi mendatang. Begitulah juga halnya dengan bagaimana suatu perhubungan di antara majikan-pekerja yang perlu didasarkan kepada unsur perpaduan dan kerjasama erat, bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai sebuah universiti bertaraf mega dengan staf akademiknya hampir mencecah 9,000 orang di seluruh sistem dan hampir 180,000 orang pelajar tentu sekali tidak berupaya untuk berhadapan dengan disintegrasi warganya. Justeru, wujudnya satu ekosistem perhubungan antara majikan-pekerja yang harmoni dan utuh akan menjadi antara prasyarat penting dalam menongkah arus ke arah mencapai sasaran dan matlamat yang telah ditetapkan.

Tahun ini adalah merupakan tahun ke tiga pelaksanaan GRU2025 yang merupakan manifestasi kepada hasrat dan harapan UiTM untuk muncul sebagai Universiti Dikenali Dunia menjelang tahun 2025. GRU2025 sejak beberapa tahun lepas telah menjadi dokumen utama yang mencorakkan hala tuju universiti dan pelan tindakan berkaitan telah digariskan menerusi Pelan Strategik UiTM 2021-2025. UiTM sebagai institusi utama dalam memberikan peluang pendidikan tinggi kepada bumiputera akan terus dipastikan memainkan peranan ini sebaik mungkin. Mobiliti sosial menerusi pendidikan di kalangan bumiputera yang kesannya dapat diterjemahkan menerusi kejayaan mereka mengubah taraf kehidupan keluarga adalah antara bukti hasil dari kewujudan UiTM. Tentu sekali ini tidak akan berjaya dicapai tanpa usaha gigih warga akademik UiTM.

Dalam konteks ini saya amat berkeyakinan penuh bahawa Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) sebagai sebuah kesatuan sekerja yang mewakili sebahagian besar tenaga akademik di UiTM terbukti dalam memainkan peranan dan fungsi dengan positif serta berkesan. Kesatuan telah menjalankan tanggungjawabnya dengan memberikan input, pandangan dan cadangan menerusi pelbagai platform, khususnya yang berkaitan dengan kebijakan ahli-ahlinya dan meningkatkan aspek penyampaian perkhidmatan universiti. Ini telah dilakukan menerusi pelbagai medium seperti keahlian turut hadir Presiden MITASA sebagai Ahli Senat, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, Jawatankuasa Khas MITASA-TNCAA serta platform lain yang disediakan pada setiap masa. Pihak pengurusan universiti sememangnya mengalu-alukan apa jua input dan cadangan dari pihak MITASA dan akan sentiasa mencari apa jua jalan dan kaedah yang terbaik untuk diselesai dan dilaksana.

Pada tahun 2022 juga saya difahamkan MITASA telah menyambut perayaan ulang tahun Jubli Emas sempena 50 tahun penubuhannya pada tahun 1972. Tentu sekali sepanjang lima dekad penubuhannya, tiada sesiapa yang mampu untuk menafikan bagaimana MITASA telah memainkan peranan yang sangat penting, khusus dalam membangunkan universiti tercinta ini. Akhir kata saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada MITASA di atas segala bantuan, cadangan dan dokongan dalam menjayakan agenda universiti. Saya amat berharap agar hubungan dan kerjasama erat di antara pihak pengurusan universiti dan kesatuan akan terus diperkasakan, demi memastikan insitusi keramat ini dipertahankan. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada MITASA yang terus gigih dalam membawa suara ahli-ahlinya demi kebaikan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

DATUK PROF TS. DR. ROZIAH MOHD JANOR